

Penularan COVID-19

Sukarelawan bimbang tidak cukup tenaga urus jenazah COVID-19

(3 Jun 2021) Berita Harian, p. 4)

Angka korban dikebumikan petugas semakin meningkat sebulan hari

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan jumlah kes kematian COVID-19 setiap hari ketika ini menyebabkan sukarelawan pengurusan jenazah ‘tidak menang tangan’ dan kepenatan.

Beberapa badan sukarelawan yang membantu menguruskan jenazah mangsa COVID-19 beragama Islam, kini perlu menguruskan puluhan kes sehari berbanding hanya dua atau tiga kes dalam sebulan, tahun lalu.

Kumpulan sukarelawan itu perlu berdepan risiko dijangkiti wabak berkenaan setiap kali menguruskan kes, apatah lagi jika terpaksa melaksanakan fardu kifayah itu dalam keadaan panas kerana perlu memakai set penuh lengkap perlindungan diri (PPE).

Pengerusi Eksekutif Pertubuhan Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM), Muhammad Rafieudin Zainal Rasid, mengakui semakin ‘tidak menang tangan’ susulan kenaikan mendadak kes kematian setiap hari hingga pasukannya kepenatan, khususnya jika jenazah yang diuruskan berturutan antara satu sama lain.

“Jika tahun lalu, kes yang kami bantu urus dan kebumikan sekitar dua atau tiga kes sebulan, namun sekarang meningkat sekitar empat hingga lima kes sehari di Lembah Klang dan 15 hingga 20 jenazah sehari di seluruh negara.

“Pengebumian di tanah kubur juga perlu mengikut giliran. Ada kubur tetap untuk menerima hanya empat jenazah COVID-19 sehari, jadi jika lebih daripada itu, perlu ditanda ke esok atau kami perlu cari kubur lain.

“Contohnya, ada kes meninggal dunia jam 5 petang semalam dan kita kebumikan jam 3 petang hari ini kerana pengurusan tanah ku-

bur perlu juga mengambil kira pengebumian bagi jenazah bukan COVID-19,” katanya ketika dihubungi BH, baru-baru ini.

Malaysia mula mencatat kes kematian COVID-19 setiap hari bermula November tahun lalu, namun jumlah kematian mula melonjak ke belasan hingga berpuluhan setiap hari bermula akhir April lalu.

Jumlah kematian harian COVID-19 tertinggi di negara ini direkodkan semalam dengan 126 kes, manakala purata jumlah kematian akibat wabak itu dalam tempoh tujuh hari lalu adalah sekitar 71 kes sehari.

Muhammad Rafieudin berkata, pihaknya menyediakan antara empat hingga tujuh sukarelawan untuk menguruskan seorang jenazah dan antara 15 hingga 20 orang untuk menguruskan kematian CO-

VID-19 dalam sehari.

“Kita sediakan sekitar 20 orang supaya boleh bergilir-gilir kerana menguruskan jenazah COVID-19, daripada tayamum hingga pengebumian, agak memenatkan,” katanya.


Jelasnya, kekangan SPJM ketika ini adalah tidak dapat mengambil sukarelawan baharu kerana mereka perlu menjalani latihan khusus untuk mengendalikan jenazah COVID-19, yang tidak dapat dilaksanakan susulan sekatan pergerakan penuh ketika ini.

“Kita juga memerlukan sumbangan PPE. Untuk satu kes, kita perlu sekitar lapan PPE dan lebih 30 PPE sehari,” katanya.

Sementara itu, Ketua Unit Pengurusan Jenazah Unit Pengurusan Jenazah Malaysia (UPJM), Mohamad Nur Syafiq Shafie, berkata



Sukarelawan menguruskan pengebumian jenazah mangsa COVID-19 tidak mengira waktu.



BH Khamis, 3 Jun 2021



Sukarelawan SPJM kini menguruskan lebih ramai jenazah COVID-19 akibat peningkatan kes kematian akibat pandemik.
(Foto ihsan SPJM)

5,777

7,703

Kes baharu disahkan, semalam

2,993


Jumlah kematian dicatat

587,165

Jumlah kes disahkan positif

82,274

Kes yang masih dirawat



Kita sediakan sekitar 20 orang supaya boleh bergilir-gilir kerana menguruskan jenazah COVID-19, daripada tayamum hingga pengebumian, agak memenatkan.

**Muhammad Rafieudin Zainal Rasid,
Pengerusi Eksekutif Pertubuhan Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM)**

zah COVID-19.

Namun, beliau bersyukur belum ada daripada anggota sukarelawan UPJM yang positif COVID-19 kerana mematuhi SOP yang digarisikan.

“Tetapi, pada awal tahun lalu, kami ada uruskan satu jenazah yang tidak ditanda positif COVID-19. Jadi kami mandi dan uruskan seperti jenazah biasa dan hanya pakai separuh PPE, sebelum dimaklumkan jenazah itu rupa-rupanya positif.

“Kebanyakan kes, hospital sudah masukkan jenazah COVID-19 dalam dua lapisan beg mayat. Kemudian kami tayamum di atas beg mayat dan dipakaikan tiga helai kain kapan, sebelum jenazah disembahyang dan dikebumikan,” katanya.

Mohamad Nur Syafiq khawatir mungkin tidak memiliki sukarelawan mencukupi jika jumlah kes kematian terus meningkat, khususnya untuk mencari individu yang sanggup merisikokan keselamatan untuk menguruskan jen-

Dalam pada itu, Mohamad Nur Syafiq memaklumkan ada pihak tertentu mengambil kesempatan mengenakan kos pengurusan jenazah yang terlalu tinggi kepada waris mangsa COVID-19.

“Ada kes kami terima, waris dikenakan caj lebih RM1,000 untuk tayamum sahaja. Caj ini dikenakan syarikat yang dilantik hospital untuk mengurus mayat, atas alasan risiko tinggi.

“Sewajarnya, kos dikenakan hanya sekitar RM350 hingga RM450 untuk tayamum dan kafan jenazah. Kami berpegang pada prinsip berbuat baik kerana Allah dan percaya Allah akan melindungi kami,” katanya.

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

7,703

Kes baharu disahkan, semalam

2,993

Jumlah kematian dicatat

587,165

Jumlah kes disahkan positif

82,274

Kes yang masih dirawat